



eBuletin

JAN
BIL 1/2017



SK KELULUT / SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN / SKKELULUT.EDU.MY / TBA4023@MOE.EDU.MY

Pendaftaran Sesi 2017 31 Dis 2017 (Sabtu)

SK Kelulut telah mengadakan pendaftaran kemasukan sesi persekolahan bagi tahun 2017. Pendaftaran tersebut bermula pada jam 8:30 pagi dan bertempat di dewan terbuka SK Kelulut. Ibu bapa yang hadir mendaftarkan anak mereka di meja pendaftaran yang telah ditetapkan mengikut kelas. Proses pembelian buku tulis telah diadakan di koperasi sekolah.

Ditulis oleh : Nurin (5A)

Program Transisi & Guru Penyayang 01-12 Jan 2017

Program ini bertujuan untuk membantu murid menghadapi perubahan di dalam keadaan transisi dari pendidikan tidak formal di tadika ke tahun 1 di sekolah rendah. Dengan adanya program seperti ini, murid-murid dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru, guru-guru, dan kawan-kawan baru dan dalam masa yang singkat dan dapat meningkatkan minat dan semangat murid untuk datang ke sekolah.

Ditulis oleh : Sidqi (5A)

Majlis Penerangan Kebajikan dan Sistem Persekolah 2017 8 Jan 2017 (Ahad)

SK Kelulut telah mengadakan Majlis Penerangan Kebajikan dan Sistem Persekolah 2017. Penolong Kanan HEM iaitu En. Azhar Ismail telah menerangkan secara jelasnya berkenaan kelayakan RMT, KWAMP, pakaian kelas KAFA, kehadiran murid serta beberapa perkara yang lain. Kebanyakan ibubapa menyatakan kelegaan kerana beberapa persoalan dan kekeliruan selama ini telah terjawab dengan sempurna.

Ditulis oleh : Yasmin (5B)

Selangkah ke hadapan

JANUARY

Written by Administrator

Wednesday, 18 January 2017 15:15 - Last Updated Monday, 23 January 2017 15:36
